

21/03/1999

Pertubuhan wajar bantu atasi fitnah

Dewi Murni Mohamed

KUALA LUMPUR: Jabatan Kemajuan Agama Islam (Jakim) meminta kerjasama semua pertubuhan agama untuk bertindak memberi penjelasan supaya fitnah dan seruan pihak tertentu yang meminta umat Islam di negara ini saling berbunuhan tidak menjadi kenyataan.

Setiausaha Parlimen Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Muhamad Abdullah, berkata sekiranya perkara itu benar-benar berlaku, ia akan merugikan semua pihak serta mencetuskan suasana huru-hara seperti yang berlaku di negara jiran sekarang.

"Oleh kerana badan agama di negara ini lebih dekat dengan masyarakat, adalah tanggungjawab mereka untuk memberi penjelasan yang tepat mengenai perkara itu.

"Ini akan membantu kempen penerangan Jakim yang akan diadakan di seluruh negara mengenai ancaman anasir jahat yang cuba memecah belahkan rakyat di negara ini," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas siasatan polis terhadap kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai pelbagai fitnah dan seruan supaya umat Islam membunuh, yang kini dianggap masalah keselamatan.

Semalam, Pemangku Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai dilaporkan berkata walaupun laporan rasmi mengenainya belum diterima, polis sedang menyiasat perkara itu.

Dr Mahathir pada sidang akhbar Khamis lalu, menyifatkan fitnah semakin bertambah menjelang pilihan raya umum, sehingga ada pihak yang menyebarkan pita rakaman menyeru orang Islam membunuh orang lain termasuk beliau sendiri.

Sehubungan itu, Muhamad berkata, kerajaan akan memberi penjelasan kepada umat Islam mengenai perkara ini secara berterusan menerusi Jabatan Agama Islam Negeri.

"Ini bagi memastikan masyarakat cukup faham mengenai bahaya fitnah dan seruan ke arah keganasan yang bukan ajaran Islam dan semua agama di dunia," katanya.

Terdahulu, beliau yang mewakili Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman menyampaikan sijil tamat latihan kepada seramai 160 pelajar Institut Kemahiran Baitulmal (IKB) Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Hadir sama ialah Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Hashim Yahya dan Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi), Wan Mahmood Wan Yaacob.

Seramai enam pelajar turut menerima anugerah Pelatih Terbaik Sesi 1998 bagi kursus masing-masing iaitu Jahitan Pakaian Lelaki, Mohlizah Ali; Jahitan Pakaian Wanita, Zuraini Ahmad; Senilukis Kreatif dan Kemasan Spray, Saripah Abdul Samad; Pendawaian Elektrik, Jafnizal Abdul Rahman; Masakan dan Katering, Suriani Borhan; dan Batik, Norhidayah Zaki.

Wan Mahmood berkata, IKB kini sedang merangka satu kursus baru berkaitan dengan komputer dan multimedia dalam usaha meningkatkan daya saing lulusan institusi berkenaan.

(END)